

Lelaki didenda RM2,500 gara-gara cemburu, ugut bunuh isteri

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM2,500 di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengugut bunuh isterinya, gara-gara cemburu mangsa pergi kerja.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali juga memerintahkan tertuduh, Caston Sigor, 39, untuk dipenjarakan empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu terhadap mangsa berusia 35 tahun pada 24 September lalu, sekitar jam 5.30 petang berhampiran sebuah pondok keselamatan di mini hospital Siburan (Klinik Kesihatan 3).

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksan

yang jika sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, suami mangsa (tertuduh) telah memaksa mangsa pulang ke rumah pada hari kejadian.

Mangsa bagaimanapun enggan mengikut kata-kata tertuduh kerana bimbang akan dipukul oleh tertuduh.

Tertuduh naik berang dan bertindak merampas beg kerja serta mengambil telefon bimbit mangsa, sebelum membuangnya ke dalam parit berhampiran pondok keselamatan tersebut.

Tertuduh kemudiannya mengugut mangsa dengan kata-kata ugutan seperti 'jaga kamu, kalau kamu tidak balik aku bunuh kamu nanti, siap

kamu!'

Punca kejadian adalah tertuduh cemburu melihat mangsa pergi bekerja, selain berang apabila mangsa enggan pulang ke rumah.

Selain itu, tertuduh sebelum ini juga sering mengugut mahu membunuh mangsa.

Mangsa seterusnya membuat laporan polis susulan bimbang akan keselamatan diri dan keluarga.

Tertuduh seterusnya ditangkap pada 27 September lalu, sekitar jam 3.50 petang di sebuah rumah di Kampung Sungai Du'uh di sini.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Mohd Azdmei Ahmad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.